



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pembangunan PKS
dan Keusahawanan
Malaysia (MASMED)

USAHAWAN SISWA 20 UiTM 23

DISEDIAKAN OLEH :
AKADEMI PEMBANGUNAN PKS &
KEUSAHAWANAN MALAYSIA (MASMED)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



HAK CIPTA TERPELIHARA 2023

Semua Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya sebelum mendapat izin bertulis daripada Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) UiTM Shah Alam.

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi

Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED)
KompleksKeusahawanan
UiTM Shah Alam

Tel : 03-55435656

Fax : 03-5543 5666

Email : masmed@uitm.edu.my

Website : <https://masmed.uitm.edu.my>



HUB INKUBATOR SISWA

PROJEK ASNAFPRENEUR UITM-MIB

Projek pembangunan asnafpreneur melibatkan tiga (3) bidang kemahiran iaitu mini spa, gunting rambut dan urutan sukan. Ketiga-tiga bidang ini penting di kalangan masyarakat yang kebanyakannya menitikberatkan kesihatan, kekemasan diri dan mengamalkan gaya hidup sihat. Bidang perkhidmatan ini yang boleh dijalankan secara bergerak (mobile) yang membolehkan usahawan memulakan perniagaan dengan modal yang rendah tanpa perlu menyewa premis perniagaan dan mengambil ramai tenaga kerja. Rakan strategik di bawah projek ini adalah seperti berikut:

1. Hani D Unggul Sdn Bhd
2. Azwa Facial Hair Spa & Beauty Saloon
3. Equal Fitness Sports Massage

Peluang tambah pendapatan 70 pelajar UiTM

Latih penuntut asnaf bergelar usahawan

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

MARAN – Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengorak langkah proaktif menjadi antara institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di negara ini melaksanakan projek keusahawanan melibatkan pelajar asnaf.

Program dikenali Projek Asnafpreneur UiTM Pahang yang bermula Disember tahun lalu hasil kerjasama Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (Masmed) UiTM serta Maybank Islamic Berhad.

Penolong Naib Canselor Masmed UiTM, Prof. Dr. Salmiah Kasidang berkata, projek perintis membabitkan 70 penuntut UiTM Kampus Jengka mendapat sumbangan RM500,000 dari Unit Pengurusan Wakaf dan Zakat Maybank Islamic Berhad.

"Antara objektif pengagihan ialah memberi ruang dan peluang kepada peserta merjana

pendapatan dengan kemahiran yang dipelajari," katanya pada Majlis Pelancaran Program Asnafpreneur di sini semalam.

Menurut Salmiah, melalui program yang dilaksanakan para peserta diberi peluang memilih bidang kemahiran antaranya perkhidmatan spa, dandan dan gunting rambut serta urutan sukan yang diarahkan kepada latihan yang layak dan mempunyai kepakaran.

Jelasnya, Projek Asnafpreneur menyaksikan peserta menjalani kursus teori, praktikal dan ujian berbekalkan modul latihan.

"Selain menjalani kursus berkaitan, para peserta juga dilaksanakan dengan kursus-kursus tambahan seperti pembangunan jati diri dan taklimat daripada penyedia Sijil Kemahiran Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Institut Keusahawanan Negara," ujarnya.

Sementara itu, seorang pelajar Nur Alla Maisarah Roslan,

23, yang menyertai kursus spa berkata, melalui program itu, penuntut bukan sahaja menguasai kemahiran keusahawanan, malah dapat merjana pendapatan bagi menampung perbelanjaan di universiti.

Dia yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan berkata, kursus kemahiran itu tidak mengaggu proses pembelajaran memandangkan ia diadakan pada hari Sabtu dan Ahad sahaja.

"Masa lapang yang ada terisi dengan ilmu, malah penyertaan dalam program ini tidak mengaggu pengajian apabila saya berjaya memperoleh keputusan terbaik."

"Melalui program kemahiran ini sekurang-kurangnya memberi peluang saya merjana pendapatan sebanyak RM500 sebulan dan berkat program ini saya telah berjaya memperoleh lesen memandu menggunakan hasil upah khidmat spa."



SALMIAH (kanan) cuba untuk menyolek seorang peserta Program Asnafpreneur pada majlis pelancaran program keusahawanan di UiTM Jengka, Maran semalam.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pembangunan PKS
dan Keusahawanan
Malaysia (MASMED)

**Akademi Pembangunan PKS &
Keusahawanan Malaysia (MASMED)
UiTM Shah Alam**

Tel :03-55435656

Email : masmed@uitm.edu.my

Website : <https://masmed.uitm.edu.my>

ISBN 978-629-98208-4-0



9 786299 820840

**USAHAWAN
SISWA 20
UiTM 23**

